

## SET 6

### Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pijakan kakinya di bumi sudah utuh dan kukuh. Cengkaman pada batang kelapa itu tersentuh. Dia tidak menoleh bawah lagi. Tapak demi tapak tercengkam dengan penuh yakin. Sedar-sedar sahaja, dia sudah sampai di puncak.

Jangan jadi Mat Jenin sudahlah ! Biarlah Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Jadi, aku terpaksa memasang angan-angan dengan jangkauan fantasi tanpa tebing tepinya, akan tetapi aku tidak mahu berlagak seperti Si Luncai. Pijakanku sungguh kuat, cengakamanku cukup berat.

Dia lantas berpaut pada pelepas-pelepas pucuk kelapa yang masih lembut kerana masih muda tetapi Aiman tidak peduli. Dia menarik pelepas dan pucuk muda itu sekuat-kuatnya.

Pinggulnya terus menjadi kubu persinggahan hentaman rotan babahnya, tetapi suara bantahan itu tidak keluar daripada mulutnya. Si ibu mahu melawan dan memprotes tindakan babahnya, tetapi suara bantahan itu tidak keluar daripada mulutnya. Jeritan kemarahan kepada suaminya hanya bergema dalam sanubari.

Keterujaan Aiman terus melonjak. Pentas halusinasinya terus mekar dan segar. Usianya dianjakkan dua tahun lagi, memberi ruang kepadanya mengikut latihan intensif di bawah program aeroangkasa bersama dengan pihak Rusia.

Pucuk nyiur berbalam-balaman di pelupuk pandangan. Latihan dan ujian memantapkan diri hendak berlepas ke ruang angkasa pula segera mengambil ruang. Akhirnya, balaman pohon kelapa dara terus ternyah daripada pandangan.

Dipetik daripada cerpen' Hipertensi'  
oleh Ilias Zaidi dalam antologi  
*Sejadah Rindu*, Sasbadi Sdn Bhd

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah yang sedang dilakukan oleh Aiman?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara untuk mengelakkan halusinasi menguasai diri seseorang?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan dua latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut. [4 markah]

## **Soalan 2 (d) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca seloka di bawah dengan teliti,,kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **Berbuat Istana Zaman Dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja,  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati.  
Tiada orang dapat meniru;  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

### **ZA'ABA**

Antologi *Sejadah Rindu*,  
Tingkatan 5

- (i). Berikan maksud siap dengan alatnya. [2markah]
- (ii) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam seloka ini. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang sepatutnya diambil kira sewaktu membina kediaman untuk sesebuah keluarga ?
- Nyatakan **tiga** ciri kediaman tersebut. [4 markah]

### **Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a). Tulis **satu** ayat bagi setiap kata ganda di bawah ini untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

- (i) tunggang-langgang
- (ii) kelam-kabut
- (iii) kusut-masai
- (iv) desas-desus
- (v) patah-riuk
- (vi) gelap-gelita

[6 markah]

(b). Gabungkan ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi **tiga ayat** sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Ramai remaja suka melepak di pusat beli-belah. Ramai remaja merokok di pusat beli-belah. Mereka berasa sunyi duduk di rumah. Mereka berjumpa dengan rakan-rakan. Mereka tahu bahawa perbuatan tersebut tidak berfaedah. Mereka tahu bahawa perbuatan tersebut hanya membazirkan masa.

[ 6 markah ]

(c). Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i). Beberapa yunit bangunan baharu akan membina sebagai pusat rekreasi untuk orang ramai berkelah.

(ii). Kebanyakan individu yang berjaya kepunyaan sejarah hidup yang penuh cabaran dan mereka tidak pernah menyerah kalah selain memiliki semangat juang yang ketal.

(iii). Kawasan tanjung berpasir putih itu berpotensi untuk bermaju sebagai kawasan pelancongan dan riadah.

[6 Markah]

(d). Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Raja Kecil mengarahkan supaya jenazah ayahandanya dikebumikan di makam diraja.

(ii) Ibu membeli tiga tangkai rambutan daripada kedai Pak Usin.

(iii) Di masa ini anak-anak remaja tidak mengisahkan teguran dan pendapat orang tua terutamanya dalam aspek keagamaan.

[6 Markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian lengkapkan ayat-ayat itu dengan peribahasa yang sesuai.

(i) Danish telah mendapat tawaran untuk bekerja di sebuah syarikat swasta. Walau bagaimanapun dia menolak tawaran itu kerana menghadiri temu duga di sebuah syarikat lain yang lebih besar. Malangnya Danish tidak mendapat pekerjaan tersebut. Sikap Danish bersesuaian dengan peribahasa \_\_\_\_\_

---

(ii) Sikap Azman yang tidak mahu bertanya soalan apabila tidak memahami arahan yang diberikan oleh majikannya sering menyebabkan syarikatnya mengalami kerugian bertepatan dengan peribahasa \_\_\_\_\_

---

(iii) Kami berasa kecewa apabila tiba di pusat peranginan itu yang dikatakan indah dan permai. Sebaliknya kami mendapati bahawa pusat peranginan itu hanya \_\_\_\_\_

---

(6 Markah )